

Akademika 87(3), Oktober 2017:139-151

<https://doi.org/10.17576/akad-2017-8703-10>

Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di Darul ‘Ulūm Ihyā’ ‘Ulūmuddīn Alor Setar Kedah: Keberkesanan, Metodologi dan Persepsi Pelajar

Teaching and Learning Hadith at Darul ‘Ulūm Ihyā’ ‘Ulūmuddīn Alor Setar Kedah:
Effectiveness, Methodology and Perception of Students

QUTRENNADA ROSLI & AHMAD YUNUS MOHD NOOR

ABSTRAK

Isu Pendidikan Islam (hadith) sentiasa mendapat perhatian dikaji penyelidik bidang pendidikan ekoran terdapat kelemahan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Metod pengajaran tradisional sering mendapat kritikan daripada metod konstruktivisme disebabkan faktor gaya pembelajaran yang tidak kondusif dengan kemajuan semasa. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pengajaran hadith menggunakan kaedah syarah dan meninjau persepsi perlajar terhadap metodologi yang diimplementasikan dalam pengajaran hadith terhadap pelajar Thanawi dan Aliyyah di Darul ‘Ulūm Ihyā’ ‘Ulūmuddīn Alor Setar. Metod kajian berbentuk kajian tinjauan jenis rentas silang (cross-sectional) dengan reka bentuk kajian kuantatif menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama pengumpulan data. Teknik persampelan bertujuan (purposive) digunakan setelah mengenal pasti ciri-ciri sampel berdasarkan objektif kajian. Saiz sampel yang terlibat adalah seramai 5 orang guru hadith dan 60 orang pelajar Thanawi dan Aliyyah. Dapatkan kajian mendapati guru menggunakan metod syarahan disamping kepelbagaian kaedah pengajaran guru hadith bagi menarik minat dan konsentrasi pelajar semasa dalam bilik darjah. Nilai min persepsi pelajaran terhadap metod pengajaran yang diimplementasikan oleh guru juga sangat tinggi menunjukkan sikap positif pelajar terhadap guru, malah membuktikan bahawa guru berjaya menarik minat pelajar dalam pembelajaran hadith. Kajian ini memberi implikasi kepada guru dan pelajar hadith Darul ‘Ulūm Ihyā’ ‘Ulūmuddīn untuk mempertingkatkan kualiti dan inovasi P&P hadith.

Kata kunci: Pengajaran dan pembelajaran hadith; metododologi; persepsi; guru; pelajar Thanawi dan Aliyyah

ABSTRACT

The issue of Islamic Education (hadith) has always been the concern of researchers in education due to weakness in Teaching and Learning (T&L) processes. Traditional teaching methods often receive criticism from the constructivism method because of the unobtrusive learning style factor with current progress. The purpose of this study is to evaluate the effectiveness of teaching hadith using the methodology of explanation and to examine the perceptions of the methodology applied to the teaching of hadith towards students of Thanawi and Aliyyah in Darul cUlūm Ihyā 'cUlūmuddīn Alor Setar. The method of study was a cross-sectional study with quantitative design using questionnaire as the main instrument of data collection. A purposive sampling technique was used after identifying the characteristics of the sample based on the objective of the study. The sample size involved was 5 teachers of hadith and 60 students of Thanawi and Aliyyah. The findings show that teachers use the lecture method as well as a diversity of teaching methods of hadith to attract students' attention in the classroom. The mean value of the students' perception of the instructional method used by the teachers is also very high indicating a positive attitude of the students towards the teachers, and proves that the teachers succeeded in attracting students' interest in learning of hadith. This study implies that hadith teachers and students at Darul cUlūm Ihyā 'cUlūmuddīn need to improve the quality and innovation of the T&L of hadith.

Keywords: Teaching and learning hadith; methodology; perception; teacher; Thanawi and Aliyyah students

PENGENALAN

Pendidikan Islam tervariasi kepada akidah, ibadah, akhlak, hadis, dan sirah. Pendidikan yang berkesan akan memberi kesan yang kekal dalam diri pelajar dari sudut rohani dan jasmani. Isu proses Pendidikan Islam tidak pernah berakhir sampai pada titik akhir (Juwariyah 2009) malah kajian secara konsisten terus dilaksanakan bagi penambahbaikan untuk melahirkan idea baru dalam menghasilkan pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang berkesan memenuhi tuntutan rohani dan jasmani pelajar (Noornajihan & Ab Halim 2013) selaras dengan matlamat falsafah Pendidikan Islam.

Aspek yang penting dalam sebuah pengajaran merangkumi strategi, metodologi, pendekatan yang diaplikasikan untuk mengajar isi kandungan mata pelajaran yang terkandung dalam kurikulum (Shuki & Rahman Shukor 2009). Pengajaran yang dirancang oleh guru secara sistematik dengan metodologi yang efektif akan mewujudkan situasi yang membolehkan berlaku aktiviti pembelajaran. Pengajaran juga merangkumi proses penyampaian kurikulum, dan sistem penilaian pelajar untuk memerihalkan hasil keberkesanannya pengajaran serta kesesuaian pelajaran dengan tahap pemikiran pelajar.

Pengajaran boleh dibaiki secara berterusan melalui pengkajian, pengembangan ilmu, pengukuhan kemahiran dan rujukan kepada ahli profesional yang berkaitan. Dalam proses pengajaran, terdapat pelbagai pendekatan yang boleh diaplikasikan seperti pengajaran berpusatkan murid, guru, hasil, proses dan nilai (Noor Hisham 2011). Secara keseluruhannya, komponen asas yang membentuk sesuatu proses pengajaran seharusnya mengandungi ciri-ciri berikut untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Manakala, pembelajaran merujuk kepada proses pengalaman yang diperolehi menghasilkan perubahan yang teguh kepada pengetahuan mahupun tingkah laku (Norasmah & Shuki 2009). Selain itu, pembelajaran juga adalah proses interaksi guru dengan pelajar agar berlakunya proses pemerolehan ilmu dan pengetahuan atau penguasaan kemahiran atau pembentukan sikap dan kepercayaan terhadap pelajar. Pembelajaran yang berkesan akan menghasilkan perubahan yang kekal terhadap tingkah laku dan akhlak pelajar hasil daripada penglibatan dalam sesuatu pengalaman pendidikan.

Pembelajaran memerlukan metodologi dan proses, sama ada dari yang paling mudah sehingga kepada yang paling kompleks. Pembelajaran boleh berlaku tanpa mengambil kira faktor masa dan tempat mahupun tanpa melalui proses pengajaran formal. Demikian juga pengajaran tidak semestinya menghasilkan pembelajaran. Namun secara lazimnya pengajaran yang kondusif akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Dalam situasi tertentu, terdapat pembelajaran yang tetap memerlukan proses pengajaran. Justeru, terdapat kemungkinan di mana pembelajaran yang berlaku tidak melengkap peraturan dan gagal mencapai kehendak sebenar pentakrifan pendidikan (Abd Rahim 2002).

Selain itu, salah satu elemen penting dalam pengajaran adalah melibatkan keyakinan dan kepercayaan guru dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar dikenali sebagai efikasi kendiri (Noornajihan & Ab Halim 2013) yang mempengaruhi kualiti (Abu Tineh, Khasawneh & Khalaileh 2011) dan amalan pengajaran seorang guru (Yoon 2002). Perkara ini seterusnya akan mempengaruhi prestasi akademik dan sahsiah pelajar (Hassan 1987). Efikasi kendiri merupakan salah satu komponen penentu keberkesanannya pengajaran guru. Keyakinan dalam diri guru penting untuk menghubungkan antara ilmu yang dimiliki dengan metode penyampaian pengajaran (Khoo Adam & Stuarat Tan 2004) bagi menatijahkan mencapai hasil objektif pengajaran.

Menurut Noor Hisham (2011) pengajar perlu arif memilih metode dan teknik pengajaran yang sesuai dengan mengambil kira perbezaan latar belakang dan tahap pemikiran pelajaran agar ilmu yang disampaikan mudah difahami (Sofiah, Kamarul Azmi & Muhammad Azhar 2016). Ini selari dengan kenyataan Abdul Manan dan Irwan (2003) yang mengatakan guru harus mempelbagaikan metode pengajaran dari masa ke semasa mengikut tahap dan kemampuan penerimaan pelajar. Justeru, pelaksanaan strategi dan kaedah yang bersesuaian sangat penting dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk mengelakkan berlaku salah faham ketika memahami, memikir dan mempraktik ilmu yang disampaikan oleh guru. Metode pengajaran dan pembelajaran yang bersistematis sekaligus akan membawa ke arah keberkesanannya pengajaran dan melahirkan prestasi pelajar cemerlang.

LATAR BELAKANG KAJIAN

P&P hadith di Malaysia agak perlahan berbanding di Nusantara, namun perkara ini tidak bermakna P&P hadith tidak berkembang sehingga menafikan sumbangan perkhidmatan sebahagian ulama hadith dalam penulisan dari konteks penterjemahan, syarahan, menghasilkan karya baru (Khader 2014) serta mengadakan pengajian hadith. Malahan, P&P hadith di institusi-institusi pengajian Islam di Malaysia tetap berlangsung meskipun terdapat perbezaan dari aspek fokus utama dan penekanan pembelajaran (Muhammad Faidz, Fauzi & Selamat 2014).

Selain itu, perkembangan teknologi turut memberi kesan kepada P&P ilmu hadith. Antaranya, bentuk pengajaran yang diimplementasikan masih terikat dengan kaedah konvensional tanpa melihat kepada kaedah inovatif yang terkini seiring dengan kemajuan semasa. Kaedah pengajaran lebih berpusatkan guru akan menyediakan pelajar pasif serta tidak berdaya saing dalam pembelajaran (Yohan Kurniawan et al. 2012). Bahan pengajaran juga masih lagi menggunakan sumber tradisional yang belum disunting menyebabkan pengajian hadith tidak berkembang, malah mencacatkan proses pembelajaran (Latifah et al. 2012). Namun begitu, kaedah atau metodologi konvensional tidak dinafikan kejayaannya dalam melahirkan golongan Ulama Hadith di dunia kerana kaedah-kaedah tersebut telah lama diguna pakai dalam P&P hadith sejak zaman Rasulullah SAW (Kamarul & Ab. Halim 2007).

Sehubungan dengan itu, kajian lepas menunjukkan aktiviti pengajaran guru di bilik darjah khususnya dan sekolah secara umumnya merupakan satu proses perubahan yang terus dikaji sejak dua dekad kebelakangan ini (Roslee et al. 2012). Hal ini kerana, P&P merupakan suatu proses untuk menyampaikan dan memperolehi ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan diperolehi melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan peranan daripada guru dan pelajar yang berlaku dalam berbagai situasi sama ada formal maupun tidak formal. Ilmu yang diperolehi juga akan memberi kesan kepada pelajar dari sudut efektif, kognitif dan psikomotor. Untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang jitu memerlukan kepada metod pengajaran dan pembelajaran yang efisien bagi menghasilkan matlamat ilmu iaitu melahirkan manusia yang sempurna disamping mendekatkan diri kepada

Allah dan mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat (al-Ghazali 1939; Ibnu Khaldun 2004).

Pendidikan bermatlamat untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Proses ini melibatkan peranan daripada guru dan murid untuk melahirkan pengajaran serta pembelajaran yang berkesan. Untuk memperolehi pembelajaran yang berkesan secara menyeluruh memerlukan kepada kaedah pengajaran yang ideal (Koh Boh Boon 1985). Namun, menurut Sofiah, Kamarul Azmi dan Muhammad Azhar (2016: 4) terdapat beberapa kelemahan dalam proses P&P pendidikan Islam. Antaranya guru tidak menguasai kaedah yang efektif sehingga menyebabkan timbulnya situasi yang kurang kondusif dalam pembelajaran (Reka Wibawa 2010). Tambahan lagi, metod yang digunakan oleh guru agama masih tertumpu kepada kaedah tradisional dan tidak kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Kamarul Azmi 2013) kerana kekurangan maklumat pengajaran terkini serta kurang penekanan terhadap aspek penglibatan pelajar. Masalah ini seterusnya akan memberi impak kepada pencapaian pembelajaran pelajar serta menyebabkan objektif pengajaran tidak mencapai sasaran.

Oleh itu, kajian terhadap kaedah pengajaran guru hadith merupakan satu keperluan untuk menilai keberkesanannya kaedah pengajaran guru serta melihat bagaimana persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran guru. Malah, adakah faktor kelayakan, tahap pengajaran, pengkhususan bidang dan pengalaman guru memberi kesan kepada kaedah pengajaran guru hadith. Proses P & P yang berkesan hendaklah mempunyai teknik dan strategi yang tersusun, objektif yang tepat dan boleh dicapai serta jelas matlamat yang hendak dicapai yang mana diperlukan dalam semua bidang pelajaran agama maupun akademik. Disamping itu, bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran ia melibatkan tiga komponen penting iaitu pendekatan, kaedah dan teknik yang mana saling berkait di antara satu sama lain. Maka, guru harus mengetahui serta dapat membezakan di antara kaedah, strategi dan teknik dalam P & P supaya kaedah yang sesuai dapat diaplikasi semasa proses P & P (Muhammad Suhaimi et al. 2012).

Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanannya pengajaran hadith menggunakan metod syarahan, faktor keberkesanannya pengajaran hadith yang menumpukan kepada tahap pengajaran, kelayakan, bidang pengkhususan dan pengalaman mengajar, serta mengkaji persepsi pelajar terhadap

pelaksanaan metod pengajaran guru hadith untuk melihat sejauh mana penerimaan pelajar terhadap pengajaran hadith. Akibat daripada kekangan masa dan kos perbelanjaan, pengkaji hanya memilih sebuah madrasah yang melaksanakan pelajaran hadith yang menggunakan sukanan pelajaran daripada institusi terkenal dalam bidang hadith iaitu Darul Ulum Deoband India.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan (*survey*) di lapangan berbentuk tinjauan semasa atau rentas silang (*cross-sectional*). Data dikutip sekali sahaja dalam satu masa (Creswell 1998). Kajian tinjauan bertujuan untuk meninjau fenomena yang berlaku dalam proses P & P hadith yang kebiasaan digunakan dalam penyelidikan sains sosial dan pendidikan (Chua Yan Piaw 2006). Kaedah utama yang digunakan dalam pengumpulan data kajian adalah instrumen soal selidik serta disokong dengan data temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian tanpa kawalan dan tanpa penyertaan untuk meneroka isu secara terperinci malah mengelakkan daripada kesalahan dalam membuat kesimpulan (Ahmad Sunawari 2014). Teknik persampelan bagi kajian ini berbentuk persampelan bukan kebarangkalian (*non-probability sampling*) dengan pemilihan subjek sampel daripada keseluruhan populasi pelajar dan guru hadith yang bertujuan untuk mengetahui sifat atau parameter populasi. Pemilihan sampel adalah daripada keseluruhan populasi pelajar hadith dan tenaga pengajar hadith bagi mengelakkan berlakunya ralat persampelan akibat sampel diambil daripada sebahagian populasi. Seramai 60 orang pelajar dan 5 orang guru hadith sahaja telah dipilih. Data dari instrumen soal selidik diproses melalui perisian SPSS versi 24.0 dan dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk melihat frekuensi, min dan sisihan piawai. Analisis deskriptif digunakan untuk mengukur pemboleh ubah yang berhubung dengan sesuatu fenomena tanpa mempersoalkan sebab kewujudan pemboleh ubah tersebut (Mohd Majid 1990). Pendekatan ini juga digunakan bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai aktiviti P & P hadith di Darul Ulum Ihya' Ulumuddin dan mendapatkan hasil dapatan yang jelas mengenai metod pengajaran hadith yang

diaplikasikan terhadap pelajar. Pemilihan lokasi kajian berdasarkan sukanan pelajaran hadith yang diimplementasikan berpandukan struktur sukanan pengajaran hadith terulung di dunia iaitu Darul Ulum Deoband India. Oleh itu, 'Ulum Ihya' Ulumuddin Alor Setar telah dipilih berdasarkan kepada sukanan pelajaran hadith, keperihatinan terhadap pelajaran hadith serta keluaran pelajar yang membanggakan (Muhammad 2013).

HASIL KAJIAN

PROFIL GURU DAN PELAJAR HADITH

Sampel yang terlibat adalah seramai 60 orang pelajar dan 5 orang guru di Darul Ulum Ihya' Ulumuddin Alor Setar Kedah yang dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive*). Keseluruhan responden yang terlibat adalah guru dan pelajar hadith di peringkat *Thanawi* dan *Aliyyah* sahaja. Penjelasan profil responden guru adalah berdasarkan latar belakang demografi iaitu jantina, umur, kelayakan akademik, tahap pengajian, pengalaman mengajar dan kursus yang pernah diikuti berkaitan pengajaran. Manakala profil responden dari kalangan pelajar berdasarkan latar belakang demografi iaitu jantina, umur, tahun, jumlah waktu belajar hadith.

Latar Belakang Guru Latar belakang guru adalah berdasarkan Jadual 1. Seramai 5 orang guru hadith yang terlibat dalam kajian ini. Jumlah ini adalah berdasarkan bilangan guru yang mengajar hadith di Darul Ulum Ihya' Ulumuddin Alor Setar di peringkat *Thanawi* dan *Aliyyah*. 3 orang (60.0%) daripadanya adalah guru perempuan dan 2 orang (40.0%) guru lelaki. Umur responden dibahagikan kepada 3 kategori iaitu berumur kurang 25 tahun adalah seramai 2 orang (40.0%), berumur 26-35 tahun seramai 2 orang (40.0%) dan seorang (20.0%) berumur 36-45 tahun. Manakala dari segi tahap pengajian, jawapan yang dijawab oleh responden dibahagikan kepada 2 tahap pengajian iaitu 4 orang (80.0%) di tahap Diploma dan seorang (20.0%) di tahap Sarjana.

Dari sudut kelayakan akademik pula, kesemua responden graduan daripada IPTA/IPTS iaitu seramai 5 orang (100.0%). Begitu juga dari aspek bidang pengkhususan bidang pengajaran, kesemua responden adalah merupakan pengkhususan

JADUAL 1. Latar Belakang Guru

Bil	Demografi	Kategori	Kekerapan (N=5)	Peratusan (%)
A1	Jantina	Lelaki	2	40.0
		Perempuan	3	60.0
A2	Umur	Kurang 25 tahun	2	40.0
		26-35 tahun	2	40.0
		36-45 tahun	1	20.0
		Lebih 46 tahun		
A3	Tahap pengajian	Diploma	4	80.0
		Sarjana	1	20.0
A4	Kelayakan	Keluaran IPTA/IPTS	5	100.0
		Ipg		
		Luar negara		
A5	Pengkhususan bidang	Al-quran & al-hadith	5	100.0
		Lain-lain		
A6	Kursus yang dihadiri berkaitan pengajaran	Tidak pernah	3	60.0
		Pernah	2	40.0
A7	Pengalaman mengajar	Kurang 5 tahun	3	60.0
		6-10 tahun	2	40.0
		Lebih 11 tahun		

Sumber: Soal Selidik 2016

bidang al-Quran dan al-Hadith iaitu seramai 5 orang (100.0%). Bilangan responden dari konteks kursus yang pernah dihadiri berkaitan pengajaran dikategorikan kepada 2 kategori iaitu seramai 3 orang (60.0%) pernah menghadiri kursus manakala, 2 orang (40.0%) tidak pernah menghadiri kursus berkaitan pengajaran.

Berdasarkan data daripada Jadual 1 mengenai latar belakang responden dari segi jantina, bilangan responden perempuan yang terlibat adalah melebihi bilangan responden lelaki. Manakala dari konteks umur, bilangan responden yang berumur kurang 25 tahun dan responden yang berumur 26-35 tahun adalah sejajar yang mana melebihi bilangan responden yang berumur 36-45 tahun.

Manakala, dari aspek tahap pengajian menunjukkan bilangan yang berkelulusan Diploma (80.0%) lebih ramai daripada responden yang berkelulusan Sarjana (20.0%). Begitu juga dengan kelayakan akademik responden yang menunjukkan kesemua responden adalah merupakan graduan IPTA/IPTS (100.0%). Ditambah dengan bilangan responden dari sudut pengkhususan bidang pengajian yang menunjukkan kesemua responden daripada pengkhususan al-Quran dan al-Hadith (100.0%). 60% guru pernah menhadiri kursus berkaitan pengajaran dan 60 % guru memiliki pengalaman mengajar 5 tahun kebawah. Dapatkan

menunjukkan guru berkelayakan dalam mengajar mata pelajaran hadith berdasarkan tahap pengajian, kelayakan, bidang pengkhususan dan pengalaman mengajar.

Latar Belakang Pelajar Latar belakang pelajar adalah merujuk kepada Jadual 2, latar belakang pelajar berdasarkan bilangan pelajar *Thanawi* dan *‘Aliyyah* di Darul ‘Ulūm Ihyā’ ‘Ulūmuddīn adalah seramai 60 orang (100%) pelajar termasuk lelaki dan perempuan. Peratusan jantina bagi pelajar lelaki adalah sebanyak 6.7% (4 orang), manakala peratusan jantina bagi pelajar perempuan adalah sebanyak 93.3% (56 orang). Ini menunjukkan bahawa, responden perempuan jauh lebih ramai dari responden lelaki. Peratusan pelajar perempuan lebih dominan berbanding pelajar lelaki menunjukkan minat belajar di kalangan pelajar lelaki berkurangan sehingga menjadikan bilangan pelajar perempuan lebih ramai. Kenyataan ini juga bertepatan dengan hasil kajian mengenai bilangan pelajar perempuan lebih ramai mengambil tempat di pusat-pusat pengajian berbanding lelaki (Anon 2008).

Manakala bilangan peratusan umur responden dibahagikan kepada empat kategori iaitu berumur kurang 15 tahun, 16 hingga 20 tahun, 21 hingga 25 tahun, lebih 26 tahun. Seramai 6 orang (10%)

responden dibawah kategori umur kurang 16 tahun, 22 orang (36.7%) responden di bawah kategori 16 hingga 20 tahun, 31 orang (51.7%) responden di bawah kategori 21 hingga 25 tahun dan seorang (1.7%) responden di bawah kategori 26 tahun ke atas.

Selain itu, pembahagian tahun pelajar dibahagikan kepada 2 peringkat iaitu peringkat *Thanawi* dan *Aliyyah*. Seramai 17 orang pelajar (28.3%) di peringkat *Thanawi* dan seramai 43 orang (71.7%) responden di peringkat *Aliyyah*. Ini menunjukkan bilangan pelajar di peringkat

Aliyyah adalah lebih tinggi daripada peringkat *Thanawi*.

Begitu juga dengan, latar belakang pelajar mengikut jumlah waktu belajar hadith dalam sehari. Seramai 21 orang responden (35%) belajar hadith selama 30 minit, 33 orang responden (55%) belajar hadith selama 1 jam dan 6 orang responden (10%) belajar hadith 1 jam 30 minit. Statistik menunjukkan pelajar lebih cenderung belajar hadith pada kadar 1 jam sehari bagi mengulang kaji dalam mata pelajaran hadith.

JADUAL 2. Latar Belakang Pelajar

Bil	Demografi	Kategori	Kekerapan (N=60)	Peratusan
A1	Jantina	Lelaki	4	6.7
		Perempuan	56	93.3
A2	Umur	Kurang 15 tahun	6	10.0
		160-20 tahun	22	36.7
		21-25 tahun	31	51.7
		Lebih 26 tahun	1	1.7
A3	Peringkat tahun	Thanawi	17	28.3
		<i>Aliyyah</i>	43	71.7
A4	Jumlah waktu belajar hadith sehari	30 minit	21	35.0
		1 jam	33	55.0
		1 jam 30 minit	6	10.0

Sumber: Soal Selidik 2016

METODOLOGI PENGAJARAN HADITH

Guru mempunyai tugas yang hakiki dalam menyampaikan ilmu dalam kelas secara formal. Kebiasaannya guru agama (hadith) dipandang tinggi oleh masyarakat dan juga pentadbiran sekolah. Pendapat ini menyokong daptatan kajian daripada aspek kaedah pengajaran hadith dengan mempamerkan nilai keseluruhan min yang sangat tinggi sebanyak 4.80 menunjukkan kemampuan guru hadith yang baik dalam menyampaikan pembelajaran hadith.

Item pernyataan M3, M4, M8, M11, M12, M15, M16, M18, M21, M22, M23, M24 dan M26 (Rujuk Jadual 3) menunjukkan respon yang sangat tinggi daripada responden dengan nilai peratusan 100%. Perkara ini menjelaskan bahawa responden mengamalkan beberapa prinsip kaedah pengajaran yang berkesan dalam proses P & P hadith. Antaranya responden mempelbagaikan kaedah

pengajaran hadith, memastikan kesediaan pelajar, membaca doa sebelum memulakan pengajaran, melakukan pembetulan bacaan hadith pelajar jika mempunyai kesalahan, memulakan pengajaran dengan meminta pelajar membaca sepotong hadith sebagai pengenalan pengajaran, membaca teks asal dalam Bahasa Arab, menjelaskan makna mufradat bagi setiap hadith, menggalakkan penglibatan pelajar, menggunakan bahasa yang mudah ketika mengajar, memupuk minat pelajar agar suka mempelajari hadith, memberi pengajaran hadith berdasarkan makna hadith dan mengaju soalan bagi menguji kefahaman pelajar.

Domain sub konstruk M1 menunjukkan nilai min 4.60 dengan pernyataan kaedah syarahan adalah kaedah utama yang digunakan dalam pengajaran hadith. Walaupun nilai min M1 menunjukkan nilai sangat tinggi, tetapi sub konstruk M3 kepelbagaian kaedah pengajaran

mempamerkan nilai min yang lebih tinggi iaitu sebanyak 5.00. Justeru, ini menujukkan kaedah syarahan bukan kaedah utama dalam pengajaran hadith. Sungguhpun begitu, kaedah syarahan merupakan kaedah lazimnya yang digunakan dalam proses P & P.

Dapatan ini seiring dengan dapatan kajian Abdullah (1989) yang mendapati bahawa sebanyak 64% guru Pendidikan Islam sering menggunakan kaedah kuliah semasa P & P Pendidikan Islam. Kajian Maimun dan Roslan (2005) menemui kaedah pengajaran yang popular dan sering dilaksanakan dalam pengajaran Pengetahuan Ugama Islam adalah kaedah syarahan, soal jawab, nasihat dan latih-tubi. Kaedah syarahan bertujuan memberikan maklumat yang banyak dalam masa yang singkat serta cepat. Maklumat yang diberikan juga tidak terdapat dalam bahan bercetak atau tidak cetak. Malah, untuk mendapat hasil pengajaran yang berkesan, kaedah syarahan perlu digandingkan dengan kaedah pengajaran yang lain seperti perbincangan, soal jawab dan perbahasan (Norzaini t.t ; Salleh t.t).

Selain itu, berdasarkan penelitian pengkaji terhadap dapatan kajian, terdapat penyataan dalam

Jadual 3 yang menunjukkan min yang rendah di antara sub konstruk pada pernyataan M2 “Saya mahir menggunakan kaedah syarahan” dengan nilai min 4.00. Perkara ini menjelaskan tentang kelemahan guru dalam menguasai kesemua kemahiran kaedah P & P. Tambahan lagi, dapatan ini seiring dengan dapatan guru agama tidak kreatif (Syed Najmuddin et al. 2009) dan kurang mahir mengajar serta memerlukan bantuan di tahap yang tinggi untuk mempertingkatkan kemahiran mengajar. Kelemahan yang berlaku kemungkinan disebabkan oleh kurang latihan dan pendedahan yang diberikan untuk mempertingkatkan mutu kaedah P & P daripada pihak pentadbiran.

Walau bagaimanapun, hasil dapatan menunjukkan nilai purata min keseluruhan bagi konstruk metodologi pengajaran guru hadith adalah di tahap yang sangat tinggi. Ini bermaksud responden sangat bersetuju dengan metodologi pengajaran yang dilaksanakan. Namun, terdapat beberapa aspek kelemahan yang perlu diatasi oleh guru untuk mempertingkatkan profesionalisme sebagai pendidik yang baik. Dapatan kajian adalah berpandukan soal selidik yang telah diedar kepada guru hadith.

JADUAL 3. Metodologi Pengajaran Hadith

Kod	Item	Kekerapan & Peratusan (N=5)					Min	SP	Interpretasi Min
		STS	TS	TP	S	SS			
M1	Kaedah utama yang digunakan dalam pengajaran hadith ialah kaedah syarahan	-	-	-	40.0 (2)	60.0 (3)	4.60	0.547	ST
M2	Saya mahir menggunakan kaedah syarahan	-	-	20.0 (1)	60.0 (3)	20.0 (1)	4.00	0.707	T
M3	Kaedah pengajaran lain juga digunakan dalam proses pengajaran hadith (perbincangan, soal jawab, hafalan, dan lain-lain)	-	-	-	-	100. (5)	5.00	0.000	ST
M4	Memastikan pelajar bersedia mengikuti proses pembelajaran	-	-	-	-	100. (5)	5.00	0.000	ST
M5	Saya sangat mengetahui dan memahami kaedah pengajaran yang digunakan	-	-	-	40.0(2)	60.0(3)	4.60	0.547	ST
M6	Saya menepati waktu pengajaran	-	-	-	60.0 (3)	40.0 (2)	4.40	0.547	ST
M7	Saya menyediakan modul pengajaran sebelum memulakan pengajaran	-	-	-	20.0(1)	80.0 (4)	4.80	0.447	ST
M8	Membaca doa sebelum memulakan pengajaran	-	-	-	-	100.(5)	5.00	0.000	ST
M9	Saya menyusun langkah pengajaran sistematis	-	-	-	40.0(2)	60.0(3)	4.60	0.547	ST

Sambungan J ADUAL 3...

M10	Saya menarik tumpuan pelajar ketika memulakan pengajaran	-	-	-	20.0(1)	80.0(4)	4.80	0.447	ST
M11	Melakukan pembetulan bacaan hadith pelajar jika mempunyai kesalahan	-	-	-	-	100.(5)	5.00	0.000	ST
M12	Memulakan pengajaran dengan meminta pelajar memebaca sepotong hadith sebagai pengenalan pengajaran	-	-	-	-	100.(5)	5.00	0.000	ST
M13	Pelajar digalakkan bersoal jawab sepanjang proses pembelajaran	-	-	-	20.0(1)	80.0 (4)	4.80	0.447	ST
M14	Menguji pengetahuan sedia ada	-	-	-	20.0(1)	80.0(4)	4.80	0.447	ST
M15	Memberi pujian kepada pelajar sebagai motivasi	-	-	-	-	100.(5)	5.00	0.000	ST
M16	Membaca teks asal hadith dalam bahasa arab	-	-	-	-	100.(5)	5.00	0.000	ST
M17	Menjelaskan makna hadith dalam bahasa melayu	-	-	-	20.0(1)	80.0(4)	4.80	0.447	ST
M18	Menjelaskan makna mufradat bagi setiap hadith	-	-	-	-	100.(5)	5.00	0.000	ST
M19	Menjelaskan tentang kedudukan hadith	-	-	-	40.0 (2)	60.0 (3)	4.60	0.547	ST
M20	Memberi penerangan tentang perawi hadith	-	-	-	40.0 (2)	60.0 (3)	4.60	0.547	ST
M21	Menggalakkan penglibatan pelajar	-	-	-	-	100.(5)	5.00	0.000	ST
M22	Menggunakan bahasa yang mudah ketika pengajaran	-	-	-	-	100.(50)	5.00	0.000	ST
M20	Memberi penerangan tentang perawi hadith	-	-	-	40.0 (2)	60.0 (3)	4.60	0.547	ST
M21	Menggalakkan penglibatan pelajar	-	-	-	-	100.(5)	5.00	0.000	ST
M22	Menggunakan bahasa yang mudah ketika pengajaran	-	-	-	-	100.(50)	5.00	0.000	ST
M23	Memupuk minat pelajar agar suka mempelajari hadith	-	-	-	-	100.(5)	5.00	0.000	ST
M24	Memberi pengajaran hadith berdasarkan makna hadith	-	-	-	-	100.(50)	5.00	0.000	ST
M25	Merumuskan pengajaran hadith di akhir pembelajaran	-	-	-	20.0(1)	80.0(4)	4.80	0.447	ST
M26	Mengajukan soalan bagi menguji kefahaman pelajar selepas selesai pembelajaran sesuatu topik	-	-	-	-	100.(5)	5.00	0.000	ST
M27	Membuka ruang perbincangan	-	-	-	20.0(1)	80.0(4)	4.80	0.447	ST
M28	Membuat pengukuhan isi pengajaran	-	-	-	40.0 (2)	60.0 (3)	4.60	0.547	ST
M29	Sentiasa memberi nasihat kepada pelajar	-	-	-	20 (1)	80.0 (4)	4.80	0.447	ST
M30	Membekalkan hafalan hadith tertentu	-	-	-	20.0 (1)	80.0 (4)	4.80	0.447	ST
M31	Memiliki syahsiah yang baik sebagai pendidik	-	-	-	40.0 (2)	60.0 (3)	4.60	0.547	ST
Min Keseluruhan					4.80	0.112	ST		

Sumber: Soal Selidik 2016

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP METOD PENGAJARAN GURU HADITH

Item pada pernyataan metodologi pengajaran hadith merujuk kepada pelaksanaan kaedah pengajaran guru hadith di Darul ‘Ulūm Ihyā’ ‘Ulūmuddīn. Nilai keseluruhan min menunjukkan nilai yang sangat tinggi dengan nilai 4.50. Dapatkan ini memperkenankan persepsi yang baik daripada pelajar terhadap kaedah pengajaran guru hadith.

Terdapat 3 domain sub konstruk berada pada nilai min yang sangat tinggi di antara 4.99 hingga 4.90 iaitu M6, M9 dan M10. Guru membaca doa sebelum memulakan pengajaran merupakan salah satu adab dalam menuntut ilmu untuk mendapat keberkatan. Firman Allah pada surah al-Ghafir ayat 60, maksudnya:

Berdoalah kepadaKu, niscaya akan Kuperkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembahKu akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina.

Al-Qurtubiy (1965) menyatakan doa itu adalah ibadah. Allah S.W.T akan memperkenankan doa hambanya yang ikhlas tanpa syarat serta menjauhi menyembah yang selain Allah S.W.T. Doa adalah senjata bagi mukmin untuk memohon sesuatu pertolongan dan bantuan daripada Allah SWT. Doa juga merupakan tiang agama yang menjadikan manusia lebih beriman dengan Allah SWT. Rasulullah S.A.W bersabda:

Maksudnya:

Doa senjata mukmin dan tiang agama dan cahaya langit dan bumi.

(al-Albani, *al-Silsilatu al-Ahadith al-Da‘ifah wa al-Mawdu‘ah wa Atharuha al-Sayyi’fi al-Ummah*, Hlm. 7-9. Hadith Mawdu‘)

Dipermulaan pengajaran hadith, guru akan meminta pelajar membaca sepotong hadith sebagai pengenalan hadith yang akan dipelajari. Kaedah ini akan menjadikan pelajar lebih bersedia dengan pembelajaran malah, pemilihan pelajar akan dibuat secara rawak oleh guru. Seorang pelajar tidak akan terkecuali dari membaca hadith pengenalan kerana pembelajaran hadith diadakan setiap hari waktu persekolahan (Asma’ Soleh 2016). Kaedah ini juga akan melibatkan penglibatan pelajar secara tidak langsung berinteraksi dengan guru bahkan

meningkatkan kepetahan berbahasa. Ini kerana, guru akan menegur dan melakukan pembetulan bagi kesalahan sebutan hadith.

Selain itu, min kedua tertinggi diantara domain sub konstruk dengan nilai 4.89 hingga 4.80 adalah M5, M7, M15 dan M28. Guru menepati waktu pengajaran merupakan salah satu komponen penting dalam etika perguruan kerana dapat melahirkan guru yang berdisiplin dalam mengatur waktu. Pembelajaran berlaku secara berperingkat. Penyusunan langkah pengajaran yang sistematis akan menjurus kepada keberkesanan pengajaran dengan memulakan aras pembelajaran daripada aras rendah kepada aras tinggi.

Begitu juga dengan kaedah penerangan guru, pelajar menunjukkan persepsi yang baik terhadap kaedah penjelasan guru hadith dalam pembelajaran hadith. Selepas membaca hadith dalam Bahasa Arab, guru akan menjelaskan makna hadith dalam Bahasa Melayu. Penggunaan gaya bahasa yang mudah dan jelas akan memudahkan pelajar memahami pembelajaran yang diajar.

Di akhir pengajaran, guru akan membekalkan hafalan hadith tertentu berkaitan topik pembelajaran supaya pelajar dapat mengingati dan mengamalkan hadith yang dipelajari. Perkara ini disokong dengan kenyataan Al-Ghazali (1939) yang menegaskan bahawa asas pengajaran bagi ilmu syariat adalah melalui hafalan dan pemahaman kemudian menyakini dan membenarkannya dengan amalan.

Diikuti dengan min ketiga tertinggi di antara nilai 4.70 hingga 4.50 pada sub konstruk M4, M8, M14, M16, M25 dan M29. Guru memastikan kesediaan pelajar sebelum memulakan pengajaran supaya pelajar dapat memberi sepenuh perhatian terhadap pembelajaran. Disamping itu, guru turut menarik tumpuan pelajar agar pembelajaran lebih fokus dan berkesan dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran tidak hanya memfokuskan kepada kaedah syarahan.

Pembacaan hadith dalam Bahasa Arab juga dilakukan bagi memudahkan pelajar menyemak baris hadith supaya tidak berlaku kesalahan dalam sebutan dan hafalan yang akan memberi impak negatif kepada makna hadith. Ruang perbincangan turut dibuka di akhir pembelajaran bagi mempertingkatkan kemahiran berfikir dan mencerna minda pelajar malah memperlihatkan peranan guru sebagai seorang yang menguasai topik pelajaran. Tanpa perbincangan, proses pembelajaran yang sebenar tidak akan berlaku.

Sehubungan dengan itu, sahsiah guru yang baik sebagai pendidik mewujudkan keharmonian dalam proses P & P serta menjadikan Rasulullah S.A.W. sebagai model utama dalam pengajaran secara formal mahupun tidak formal. Etika perguruan yang cemerlang menjadi contoh kepada pelajar dalam kehidupan seharian secara tidak langsung mempengaruhi minat pelajar dalam pembelajaran. Guru yang melazimi perkataan yang baik akan lebih cepat memberi impak serta terkesan ke dalam jiwa seseorang murid (Nur Hanani, Mohd Aderi & Ab. Halim 2013:4).

Secara keseluruhannya, nilai purata min bagi persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran guru hadith sangat tinggi menunjukkan responden sangat bersetuju dengan kaedah yang diimplementasikan dalam proses P & P. Malah, dapatan menunjukkan persepsi positif pelajar terhadap kaedah pengajaran guru hadith yang turut mencerminkan profesionalisme guru yang cemerlang dari aspek pengajaran, pemahaman dan sahsiah. Hasil keseluruhan proses perisian SPSS adalah berdasarkan Jadual 4. Dapatkan kajian adalah berdasarkan kepada soal selidik yang disedarkan kepada pelajar *Thanawi* dan *Aliyyah*.

JADUAL 4. Persepsi Pelajar terhadap Kaedah Pengajaran Guru

Bil	Item	Peratusan & Kekerapan (N=60)					Min	SP	Interpretasi Min
		STS	TS	TP	S	SS			
M1	Kaedah utama yang digunakan dalam pengajaran hadith ialah kaedah syarahan	-	-	-	81.7 (49)	18.3 (11)	4.18	0.390	ST
M2	Kaedah syarahan kerap digunakan	-	-	-	78.3 (47)	21.7 (13)	4.21	0.415	ST
M3	Guru mahir menggunakan kaedah syarahan	-	-	-	71.7 (43)	28.3 (17)	4.28	0.454	ST
M4	Memastikan kesediaan pelajar	-	-	-	41.7 (25)	58.3 (35)	4.58	0.497	ST
M5	Guru menepati waktu pengajaran	-	-	-	20.0 (12)	80.0 (48)	4.80	0.403	ST
M6	Guru membaca doa sebelum memulakan pengajaran	-	-	-	3.3 (2)	96.7 (58)	4.96	0.181	ST
M7	Guru menyusun langkah pengajaran sistematis	-	-	-	15.0 (9)	85.0 (51)	4.85	0.360	ST
M8	Guru menarik tumpuan pelajar	-	3.3 (2)	-	20.0 (12)	76.7 (46)	4.70	0.645	ST
M9	Sentiasa melakukan pembetulan bacaan hadith	-	-	-	6.7 (4)	93.3 (56)	4.93	0.251	ST
M10	Memulakan pengajaran dengan meminta pelajar membaca hadith sebagai pengenalan pengajaran	-	-	-	5.0 (3)	95.0 (57)	4.95	0.219	ST
M11	Pelajar digalakkan bersoal jawab	-	-	1.7 (1)	61.7 (37)	36.7 (22)	4.35	0.515	ST
M12	Menguji pengetahuan sedia ada	-	-	1.7 (1)	71.7 (43)	26.7 (16)	4.25	0.473	ST
M13	Memberi pujian sebagai motivasi	-	-	6.7 (4)	68.3 (41)	25.0 (15)	4.18	0.536	ST
M14	Membaca teks asal hadith dalam bahasa Arab	-	-	-	25.5 (15)	75.5 (45)	4.75	0.436	ST
M15	menjelaskan makna hadith dalam bahasa Melayu	-	-	-	16.7 (10)	83.3 (50)	4.83	0.375	ST
M16	Menjelaskan makna mufradat bagi hadith	-	-	-	28.3 (17)	71.7 (43)	4.71	0.454	ST
M17	Menjelaskan tentang kedudukan hadith	-	-	-	68.3 (41)	31.7 (19)	4.31	0.469	ST

Sambungan J ADUAL 4...

M18	Memberi penerangan tentang perawi hadith	-	1.7 (1)	1.7 (1)	65.0 (39)	31.7 (19)	4.26	0.578	ST
M19	Menggalakkan penglibatan pelajar	-	-	1.7 (1)	73.3 (44)	25.0 (15)	4.23	0.464	ST
M20	Menggunakan bahasa yang mudah ketika pengajaran hadith	-	-	-	53.3 (32)	46.7 (28)	4.46	0.503	ST
M21	Memupuk minat pelajar agar suka belajar hadith	-	-	1.7 (1)	58.3 (35)	40.0 (24)	4.38	0.523	ST
M22	Memberi pengajaran berdasarkan makna hadith	-	-	-	51.7 (31)	48.3 (29)	4.48	0.503	ST
M23	Guru merumuskan pengajaran hadith di akhir pembelajaran	-	-	-	68.3 (41)	31.7 (19)	4.31	0.469	ST
M24	Mengajukan soalan bagi megaji kefahaman	-	-	-	76.7 (46)	23.3 (14)	4.23	0.426	ST
M25	Membuka ruang perbincangan	-	-	-	38.3 (23)	61.7 (37)	4.61	0.490	ST
M26	Membuat pengukuhan isi pengajaran	-	-	1.7 (1)	76.7 (46)	21.7 (13)	4.20	0.443	ST
M27	Guru sentiasa memberi nasihat kepada pelajar	-	-	1.7 (1)	63.3 (38)	35.0 (21)	4.33	0.509	ST
M28	Membekalkan hafalan hadith tertentu	-	-	-	18.3 (11)	81.7 (49)	4.81	0.390	ST
M29	Guru memiliki syahsiah yang baik	-	-	-	48.3 (29)	51.7 (31)	4.51	0.503	ST
Min Keseluruhan					4.50	0.196	ST		

Sumber: Soal Selidik 2016

KESIMPULAN

Hasil keseluruhan kajian menunjukkan min di tahap yang sangat tinggi. Ini bermakna metod syarahan yang digunakan dalam pengajaran hadith berkesan, malah kaedah pengajaran yang diimplementasikan oleh guru berkesan dan sesuai dengan sukatan pelajaran hadith serta tahap perbezaan pemikiran pelajar. Faktor keberkesanan pengajaran hadith dari sudut tahap pengajaran, kelayakan, bidang pengkhusuan dan pengalaman mengajar guru juga di tahap yang baik. Diikuti dengan persepsi positif pelajar terhadap kaedah pengajaran guru hadith yang turut menggambarkan profesionalisme perguruan yang cemerlang dari aspek pengajaran, pemahaman dan sahsiah. Namun, bagi menghasilkan produk keluaran sekolah yang bermutu guru perlu lebih kreatif dalam menggunakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar. Hal ini kerana guru tidak dapat manafikan minat dan pengaruh teknologi terhadap pelajar masa kini yang lebih gemar akan pembelajaran

aktif dan mencabar (Nornajihah & Ab Halim 2013). Berpandukan hasil dapatan kajian mengenai persepsi pelajar terhadap metod pengajaran guru memperlihatkan bahawa pelajar mempunyai komitmen yang tinggi dalam pembelajaran hadith serta menunjukkan persepsi yang baik terhadap guru yang mencerminkan keperibadian berakhlik.

RUJUKAN

- Al-Qur'an al-Karim. 1999. *Terjemahan al-Qur'an Abdullah Muhammad Basmeih.* Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Abd Rahim Abd Rashid. 2002. Agenda perubahan pendidikan sains sosial dalam mengharungi alaf baru. Dlm. *Pengajaran dan Pembelajaran Sains Sosial: Teori dan Amalan*, disunting oleh Abd Rahim Abd Rashid, 1-21. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Manan Ismail & Irwan Mohd Subri 2003. Pembaharuan Metodologi Pengajaran Fiqh Menurut Al-Syaukani. Dlm Khadijah Abdul

- Razak, Shahrin Awaludin, Kamarulzaman Abdul Ghani, Ab.Halim Tamuri, Norshidah Mohd Salleh, Aliza Alias. Perkaedahan Pengajaran Guruan Islam: Antara Tradisi Dan Inovasi, Prosiding Wacana Guruan Islam Siri 3, Fakulti Guruan Ukm, 16 Oktober 2003.
- Abdullah Ishak. 1989. *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*. Selangor: al-Rahmaniah.
- Abu Tineh, M.A., Khasawneh, S.A., & Khalaileh, H.A. 2011. Teacher self-efficacy and management styles in Jordanian schools. *Management in Education* 25(4): 175-181.
- Ahmad Sunawari Long. 2014. *Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anon. 2008. Kekurangan pelajar lelaki di IPTA semakin serius. *Utusan Malaysia*, 16 Jun.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. 1939. *Ihya' cUlum al-Din*. Juzuk 1. Mesir: Mutba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Al-Qurtubiy. 1965. *al-Mausu'ah al-'Arabiyyah al-Muyassaraah*. [9.11.2017]
- Asma' Soleh 2016 Asma' Soleh. 2016. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Hadith. Temu bual, 10 januari 2016.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Cresswell, J.W. 1998. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Traditions*. New Jersey: Pearson Education Ins.
- Hassan Langgulung. 1987. Penghayatan nilai-nilai islam ditinjau dari proses pembelajaran dalam konteks masa kini. *Jurnal Pendidikan Islam* 2(5):13-30.
- Ibn Khaldun, Abdul Rahman. 2004. *Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Turath al-'Arabi.
- Juwariyah, M. Ag. 2009. Pengertian dan komponen-komponen pendidikan Islam perspektif Mahmud Yunus dan Muhammad 'Athiyah Al-Abrasyi: Tinjauan analisis kritis. *Jurnal Mukaddimah* 11(26):73-88.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2013. Pembelajaran Aktif dalam Guruan Islam Pengamalan Guru Cemerlang Guruan Islam. Kertas Kerja Seminar Pemerksaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia. Anjuran Institut Kefahaman Malaysia(IKIM), 24-25 September.
- Khader Ahmad. 2014. Ilmu hadith kurang mendapat tempat di Nusantara. *Majalah I*. April: 27-28.
- Khoo Adam & Stuarat Tan. 2004. *Master Your Mind Design Your Destiny*. Singapore: Adam Khoo Learning Publisher.
- Koh Boh Boon. 1985. Erti Pengajaran dan Model-Model Pengajaran. Dlm. *Asas-Asas dalam Pedagogi*. Cetakan ke-3., disunting oleh Isahak Haron & Koh Boh Boon. T.tp: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Latifah Abdul Majid, Ahamad Asmadi Sakat, Azwira Abdul Aziz, Fadlan Mohd Othman, Mohd Akil Muhammed Ali & Arif Mohd Nazri. 2012. *Pengajaran dan Pembelajaran Hadith di IPT Selangor*. Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajaran Islam 2012, hlm. 1-5.
- Maimun Aqsa Lubis & Roslan Aspar. 2005. Kaedah pengajaran pengetahuan Agama Islam di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan* (30): 141-150.
- Muhammad Abdul Kadir. 2013. *Penerangan Ringkas Darul 'Ulūm Ihyā' 'Ulūmuddīn*. T.tp: t.pt.
- Muhammad Faidz Mohd Fadzil, Fauzi Deraman & Selamat Amir. 2014. Pengajian Hadith di Institusi Formal Dan Non Formal di Malaysia. Dlm. *Hadis Jurnal Ilmiah Berwasit*, disunting oleh Mohd Norzi Nasir, 33-49. Selangor: Institut Kajian Hadis (INHAD), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Muhammad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Roslee Talip, Abdul Said Ambotang & Shukri Zain. 2012. Pengajaran dan Penyampaian Yang Berkesan. *Utusan Borneo*, 5 Disember: B4.
- Norasmah Othman, & Shuki Osman. 2009. Kaedah pengajaran dan pembelajaran. Dlm. *Pengajaran dan pembelajaran: Teori dan praktis*, disunting oleh Noraini Idris & Shuki Osman, 75-100. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Hisham Md Nawi. 2011. Pengajaran Dan Pembelajaran: Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kertas kerja Kongres Pengajaran Dan Pembelajaran UKM 2011, Hotel Vistana Pulau Pinang, 18 - 20 Disember.
- Noornajihan Jaafar & Ab Halim Tamuri. 2013. Hubungan antara efikasi kendiri dengan kualiti

- guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 5(1):41-60.
- Norzaini Azman. t.th. Pembelajaran Dewasa. Dlm. *Panduan Amalan Pengajaran & Pembelajaran Berkesan*, disunting oleh Mohamed Amin Embi, 67-92. Selangor: Pusat Pembangunan Akademik UKM.
- Nur Hanani Hussin, Mohd Aderi Che Noh & Ab. Halim Tamuri. 2013. Elemen mengenali murid dalam pengajaran guru cemerlang Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education* 1(2):10-19.
- Reka Wibawa. 2010. Metod Pembelajaran Hadis dan Pengaruhnya Terhadap Minat Belajar Siswa di SMP Riyadlul Jannah. Tesis Sarjana, Jurusan Guruan Agama Islam, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Roslee Talip, Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Abdul Said Ambotang, Shukri Zain & Muhamad Suhaimi Taat. 2012. Penambahbaikan Kualiti Guruan. *Utusan Borneo*, 19 Disember: B4.
- Salleh Amat. T.t. Motivasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. Dlm. *Panduan Amalan Pengajaran & Pembelajaran Berkesan*, disunting oleh Mohamed Amin Embi, 233-246. Selangor: Pusat Pembangunan Akademik UKM.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailaini. 2016. Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika* 86 (2):31-42.
- Shuki Osman & Rahman Shukor Ab Samad 2009. Menterjemah kurikulum kepada pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Dlm. *Pengajaran dan Pembelajaran Teori Dan Praktis*, disunting oleh Noraini Idris dan Shui Osman, 33-48. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd Sabri Mamat. 2009. Kajian persepsi pelajar terhadap profesionalisme guru Pendidikan Islam MRSM. *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 1(2):31-50.
- Yohan Kurniawan, Thana Abdullah, Khuzaiton Zakaria & Wan Muhamad Wan Abdullah. 2012. Mengapa pelajar takut bertanya dalam kuliah: Sebuah kajian di Universiti Malaysia Kelantan. *Jurnal Personalia Pelajar* 15:13-22.
- Yoon, S.J. 2002. Teacher characteristics as predictors of teacher-student relationship: Stress, negative affect and self-efficacy. *Social Behaviours and Personality: An International Journal* 30(5): 485-493.
- Qutrennada Rosli**
 Jabatan Usuludin dan Falsafah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: qwizida89@yahoo.com
- Ahmad Yunus Mohd Noor (corresponding author)**
 Jabatan Usuludin dan Falsafah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: a_yunus@ukm.edu.my
- Received: 5 January 2017
 Accepted: 14 October 2017